# Kakitangan kerajaan di Putrajaya rasai gegaran

BH • 26/2/22 (Sabtu) • M/S: 6




*Semua kakitangan KKMM diarah mengosongkan bangunan susulan gegaran akibat gempa bumi di utara Sumatera, Indonesia.* (Foto BERNAMA)

**Putrajaya:** Situasi panik berlaku di beberapa bangunan jabatan kerajaan di pusat pentadbiran di sini, pagi semalam, apabila kakitangan kerajaan berpusu-pusu keluar dari pejabat susulan gegaran akibat gempa bumi yang berlaku di utara Sumatera, Indonesia.

Gegaran gempa bumi itu antaranya dirasai di Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM), Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) serta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Kakitangan KPWKM, Siti Azila Wahi, 37, berkata beliau menyedari berlaku gegaran pada jam 9.40 pagi ketika menyelesaikan tugasan di hadapan komputer apabila melihat air dalam gelas berkocak, langsir pejabat bergerak dan kerusi beralih sendiri.

Katanya, melihat kejadian aneh itu, beliau terus mendapatkan rakan lain di pejabat dan diberitahu gegaran disebabkan gempa bumi yang berlaku di Indonesia.

"Gegaran itu sangat dirasai kerana saya berada di tingkat 38 dan berikutan kejadian itu, pihak pengurusan mengarahkan semua kakitangan turun berkumpul di kawasan lapang berhampiran bangunan pejabat," katanya.

Bagi kakitangan KWP, Mohd Firdaus Karos, 36, beliau menyedari gegaran berlaku pada jam 9.50 pagi apabila dinding pejabat dan meja komputer di tingkat bawah bergegar dalam masa lima saat.

Beliau berkata, selepas lima minit gegaran berlaku sekali lagi dalam beberapa saat dan ia pengalaman pertama dirinya berdepan situasi itu.

Katanya, pihak keselamatan bertindak pantas dengan membunyikan loceng penggera keselamatan mengarahkan semua kakitangan mengosongkan pejabat dan berkumpul di kawasan lapang.

"Pasukan bomba turut datang memeriksa bangunan dan selepas diberitahu keadaan selamat semua kakitangan kembali ke pejabat pada jam 10.50 pagi," katanya.

Jabatan Meteorologi Malaysia (MET) di laman rasmi Facebooknya berkata, gempa bumi kuat berlaku di Utara Sumatra, Indonesia pada jam 9.39 pagi.

Katanya, gempa bumi berlaku di koordinat 0.2∞ Utara dan 100.0∞ Timur Magnitud 6.1, manakala jaraknya 76 kilometer (km) Barat Laut dari Payakumbuh dengan kedalaman 10km.

Tiada ancaman tsunami kepada Malaysia dan gegaran turut dirasai di bahagian Barat Semenanjung membabitkan Selangor, Perak, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor.

# Malaysians rattled by tremors

## Hair-raising few seconds as high-rises shake following Sumatra quake

By JAROD LIM, IVAN LOH, SARBAN SINGH and RSN MURALI
newsdesk@thestar.com.my

**KUALA LUMPUR:** Tremors felt in the Klang Valley and beyond following an earthquake in Sumatra sent thousands scurrying out of buildings onto the streets for safety.

Occupants of high-rises at several locations in Selangor, Kuala Lumpur, Negri Sembilan, Melaka and even up to Taiping and Teluk Intan had to be evacuated after the temblor rattled buildings, including hospitals and government offices, yesterday morning.

In Kajang, a municipal council board meeting was halted.

Surjit Hambly, who lives on the 17th floor of the Desa Kudalari Condominium near KLCC, said she felt tremors around 9.45am.

"I was having breakfast and everything on the table and items hung behind the door began to shake. I heard that only those who lived in the upper floors felt the vibrations," she added.

"I was going about my daily chores when I felt vibrations in my apartment in the Danau Desa Permai condo," said Francis Tan, a resident.

"It was a little nerve-wracking, but it (only) lasted for a few seconds," he said.

Teh Beng Choon, 64, was in his office in Petaling Jaya when he noticed his computer monitors shaking.

"I felt a strong tremor which lasted for a few seconds. I was stunned," he said.

The Malaysian Meteorological Department said a 6.1-magnitude earthquake had occurred at 9.39am Malaysian time in North Sumatra, Indonesia, leading to tremors which were felt in the western part of the peninsula, especially in Selangor, Perak, Negri Sembilan, Melaka and Johor.

Bernama reported that a total of 34 building emergency calls were received by the Fire and Rescue Department in the Klang Valley.

Among the buildings affected were Menara Glomac, Wisma BSN, Menara AmBank and Pantai Indah Apartment and others in Taman Miharja and Jalan Pantai Dalam here, as well as those in Shah Alam, Cyberjaya, Sepang, Kapar, Banting, Puchong, Kajang, Subang Jaya, and Petaling Jaya in Selangor.

A Kuala Lumpur Fire and Rescue Department spokesman said fire stations around the city had been asked to run inspections at the call locations to monitor and ensure that the buildings were safe and not affected by the tremors.

In PUTRAJAYA, the Federal Territories Ministry staffers had to be evacuated to a parking lot next to the building.

Over at the Kuala Lumpur City Hall (DBKL) headquarters, tremors were felt as well, and a DBKL spokesman said it was deemed not serious enough to warrant an evacuation.

In KAJANG, the municipal council's monthly full board meeting at Level 7 of Menara MPKj had to be stopped after the tremors were felt.

The television set and pictures hung on the wall in the meeting room could be seen shaking, MPKj said.

In SEREMBAN, hairline cracks were found at two buildings.

State Fire and Rescue Department assistant director (operations) Zamhuri Zainnordin said tiny cracks were found on the eighth floor of a private hospital and on the first floor of a government complex in Port Dickson.

He said his department did not receive any reports of injuries.

In MELAKA, the Fire and Rescue Department confirmed receiving several calls on the tremors after they were felt in the Melaka government administration hub at Ayer Keroh, Jasin police headquarters, Hang Tuah Mall and UiTM in the city centre.

A spokesman from the Perak Fire and Rescue Department said they received a call from the Taiping Inland Revenue Board about the tremors.

"There were no damage or victims involved and we will be monitoring the situation closely," he said.

In TELUK INTAN, boutique owner Nur Shahira Shaari, 27, said the tremors were felt at about 9.40am.

"I was wrapping an item to be sent to a customer when I suddenly felt woozy.

"It was very brief and I thought I was having a dizzy spell before everything went back to normal," she said.

Watch the video
TheStarTV.com

Starmetro. Saturday - 26/2/22 - pg: 4

# Taman Sri Kepong Baru folk worry erosion may bring transmission pole crashing

By JAYNE LOO
metro@thestar.com.my

A LANDSLIP in 1/38C Taman Sri Kepong Baru is causing nearby residents sleepless nights as it is located just metres away from their houses.

During heavy rain on Dec 18, loosened soil slid down the slope.

More than two months later, soil and tree parts are still there although Kuala Lumpur City Hall (DBKL) cleared the debris twice.

A resident, Chong YM, said he heard rumbling sounds at around 11pm on Dec 18.

"The next thing I knew, a tree had fallen down and branches could be seen on our neighbours' cars.

"DBKL came two days later and cleared the debris.

"Our biggest concern is the transmission pole on top of the slope.

"We worry the retaining wall would collapse and the pole will come crashing down," he said.

Chong hoped canvas sheets could be placed at the site to prevent further erosion.

He added that Tenaga Nasional Bhd (TNB) personnel had also inspected the area.

Kepong Community Service Centre head Yee Poh Ping said he was told that TNB was responsible only for a 20m radius around the pole.

"Residents are worried about water seepage and even electrocution," he said.

Yee hoped TNB and DBKL would work together to address the issue.



Yee and residents living at 1/38C Taman Sri Kepong Baru want TNB and DBKL to address the erosion issue.

NST · 26/2/22 (Saturday) · pg: 12

# 15 issued with notice for smoking on KL walkways

**KUALA LUMPUR:** A total of 15 individuals were issued with a notice under Regulation 22 of the Control of Tobacco Product Regulations 2004 for breaching the smoking ban during an operation carried out at covered pedestrian walkways here on Thursday. Kuala Lumpur City Hall Environmental Department senior public health deputy director Dr Nor Halizam Ismail said the two-hour operation was carried out at covered pedestrian walkways in Jalan Putra, Jalan Pahang, Jalan Sultan Ismail and Jalan Merpati. She said 50 enforcement officers from City Hall, the Kuala Lumpur Health Department and Kuala Lumpur Bebas Asap Rokok, a non-governmental organisation, took part in the operation. **Bernama**

Sinar Harian · 26/2/22 (Sabtu) - pg: 18

# Keputusan rayuan pendakwaan kes bekas Timbalan Pengarah DBKL pada 28 Februari

**KUALA LUMPUR -** Mahkamah Tinggi di sini menetapkan 28 Februari ini untuk keputusan rayuan pihak pendakwaan terhadap pembebasan bekas Timbalan Pengarah Kanan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Sabudin Mohd Salleh daripada pertuduhan menerima rasuah wang tunai RM150,000.

Timbalan Pendakwa Raya Datuk Wan Shaharuddin Wan Ladin ketika dihubungi pemberita berkata, keputusan itu akan disampaikan Pesuruhjaya Kehakiman Datuk Azhar Abdul Hamid.

"Pihak pendakwaan dan pembelaan selesai berhujah mengenai rayuan itu pada 28 Jan lepas," katanya.

Pada 13 April 2021, pihak pendakwaan memfailkan rayuan terhadap keputusan Hakim Mahkamah Sesyen pada 8 April tahun lepas, yang melepas dan membebaskan Sabudin daripada pertuduhan rasuah di akhir kes pendakwaan.

Seramai 10 saksi pendakwaan memberi keterangan pada perbicaraan kes itu.

Sabudin yang merupakan bekas Timbalan Pengarah Kanan (Awam) di Jabatan Kejuruteraan Awam dan Pengangkutan Bandar DBKL, didakwa atas pertuduhan secara rasuah menerima bagi dirinya barangan berharga berupa wang tunai RM150,000 daripada Pengarah Syarikat Tegap Elit Sdn Bhd, Chia Chee Seng.

Ia sebagai dorongan untuk melakukan suatu perbuatan di bawah hal ehwal prinsipalnya iaitu memperakukan sijil bayaran kemajuan tuntutan yang dikemukakan oleh beberapa syarikat.

Dia dituduh melakukan kesalahan itu di sebuah rumah di Ukay Perdana, di sini, antara 13 dan 19 Ogos 2018, mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.- *Bernama*

BH. 26/2/22 (Sabtu). pg: 15

# Keputusan rayuan kes rasuah bekas pegawai kanan DBKL, Isnin

**Kuala Lumpur:** Mahkamah Tinggi di sini menetapkan 28 Februari ini untuk keputusan rayuan pihak pendakwaan terhadap pembebasan bekas Timbalan Pengarah Kanan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Sabudin Mohd Salleh, daripada pertuduhan menerima rasuah wang tunai RM150,000.

Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Wan Shaharuddin Wan Ladin ketika dihubungi pemberita, berkata keputusan itu akan disampaikan Pesuruhjaya Kehakiman, Datuk Azhar Abdul Hamid.

"Pihak pendakwaan dan pembelaan selesai berhujah mengenai rayuan itu pada 28 Januari lalu," katanya.

Pada 13 April 2021, pihak pendakwaan memfailkan rayuan terhadap keputusan Hakim Mahkamah Sesyen pada 8 April, yang melepas dan membebaskan Sabudin daripada pertuduhan rasuah pada akhir kes pendakwaan.

Seramai 10 saksi pendakwaan memberi keterangan pada perbicaraan kes itu.

Sabudin yang juga bekas Timbalan Pengarah Kanan (Awam) di Jabatan Kejuruteraan Awam dan Pengangkutan Bandar DBKL, didakwa atas pertuduhan secara rasuah menerima bagi dirinya barangan berharga berupa wang tunai RM150,000 daripada pengarah Syarikat Tegap Elit Sdn Bhd, Chia Chee Seng.

Ia sebagai dorongan untuk tertuduh melakukan suatu perbuatan di bawah hal ehwal prinsipalnya, iaitu memperakukan sijil bayaran kemajuan tuntutan yang dikemukakan beberapa syarikat.

Dia dituduh melakukan kesalahan itu di sebuah rumah di Ukay Perdana, di sini, antara 13 dan 19 Ogos 2018 dan didakwa mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya. BERNAMA



*Sabudin Mohd Salleh*

PP 8590/08/2012 (030968)
RM2.00
WWW.HMETRO.COM.MY HARIANMETRO HMETROMY
27 FEBRUARI 2022
25 REJAB 1443

# Metro Ahad

RASAI BERITA SEBENAR

## TRAGEDI BERAPI DI LAWAS
# 3 BERADIK TERKORBAN, 6 SELAMAT



MS4

## PESTA DEMOKRASI JOHOR BERMULA
# 239 CALON TANDING REBUT 56 KERUSI




MS10&11

## TAKTIK JIJIK WARGA ASING DI PASAR
# SAYUR LONGKANG

**Dalam kekecohan melarikan diri, peniaga warga asing di beberapa pasar di ibu kota bertindak menyembunyikan sayur dan makanan kering dijual di dalam longkang ketika serbuan, semalam. Pihak berkuasa kini melaksanakan penguatkuasaan 24 jam setiap hari bagi mengekang kehadiran peniaga asing terbabit.**

lapor Mohd Jamilul Anbia Md Denin



MS6



**lokal**



ANGGOTA DBKL menemui sayur-sayuran dan makanan kering disembunyikan warga asing di dalam longkang dan lorong sunyi.

# SIMPAN SAYUR DALAM LONGKANG

***Taktik penjaja warga asing sekitar pasar di Kuala Lumpur bagi elak bahan jualan dirampas pihak berkuasa***

**Oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin**
anbia@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Perbuatan jijik apabila sayur dan makanan kering dijual sengaja disembunyikan di dalam longkang serta lorong kotor bagi mengelak dirampas pihak berkuasa.

Itu antara taktik peniaga serta penjaja warga asing yang dikesan masih berdegil meneruskan aktiviti sekitar Pasar Borong Kuala Lumpur, Pusat Bandar Utara dan Taman Wilayah.

Difahamkan golongan warga asing ini segera menyembunyikan pelbagai sayur-sayuran, bawang dan buah-buahan ke dalam longkang di belakang bangunan sebaik menyedari operasi dilakukan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), semalam.

Bagaimanapun taktik itu tidak berhasil apabila anggota DBKL yang melakukan operasi semalam berjaya mengesan dan menyita barangan jualan milik penjaja haram berkenaan.



OPERASI mengejut digerakkan DBKL di Pasar Borong Kuala Lumpur bagi mengesan penjaja warga asing, semalam.

Jurucakap DBKL berkata, pihaknya melaksanakan pemantauan dan tindakan penguatkuasaan 24 jam setiap hari terhadap warga asing yang menjalankan aktiviti perniagaan di kawasan itu.

"Pihak DBKL turut mempertingkatkan pemantauan dan tindakan penguatkuasaan di Kompleks Pasar Borong Kuala Lumpur (PBKL) dan sekitar Pusat Bandar Utara di sini yang menjadi tumpuan peniaga asing.

"Dalam operasi semalam, DBKL mengawal pergerakan masuk dan keluar di pintu utama Kompleks PBKL itu.

"Pemantauan dan pemerhatian mendapati terdapat segelintir warga asing memasuki kawasan Kompleks PBKL dengan menyelinap melalui kenderaan peniaga tempatan yang berurusan di dalam kawasan PBKL.

"DBKL akan mempertingkatkan lagi tindakan pemantauan di laluan pintu masuk dan keluar Kompleks PBKL termasuk 'lorong tikus' yang dikenal pasti menjadi laluan warga asing," katanya.

Menurutnya, tiga tindakan sita dilaksanakan semalam terhadap warga asing yang menjalankan perniagaan di kawasan PBKL serta dua tindakan sama di sekitar Pusat Bandar Utara mengikut Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja (WPKL) 2016.

Khamis lalu, DBKL turut menggempur lokasi Pasar Pudu dan Pasar Harian Selayang di sini bagi membenteras aktiviti peniaga warga asing tanpa lesen.

Di Pasar Pudu, tindakan sita serta-merta dilaksanakan oleh petugas DBKL manakala tiga lot gerai dikendalikan warga asing dikesan hasil pemeriksaan di Pasar Harian Selayang.

"Empat notis kompaun kesalahan mengikut seksyen 38(1)(c) UUK Pasar (WPKL) 2016 dikeluarkan. Menjadi kesalahan kepada pemilik gerai berikutan mereka tidak boleh mengambil pekerja warga asing tanpa permit kerja yang sah.

Harian Metro sebelum ini mendedahkan kemunculan semula peniaga warga asing yang aktif menjalankan perniagaan tanpa lesen sah di sekitar Pasar Borong Kuala Lumpur, Pusat Bandar Utara dan Taman Wilayah.

# Lelaki hanyut bot habis minyak

**Pelabuhan Klang:** Seorang ejen kapal dagang warga tempatan dipercayai hanyut selepas bot dinaiki disyaki kehabisan minyak di perairan Pintu Gedung di sini, Khamis lalu.

*"Bot dinaiki mangsa dalam perjalanan untuk menghantar dokumen serta pasport kru, dipercayai kehabisan minyak kira-kira jam 6 petang, Khamis lalu"*

**Mohammad Rosli**

Pengarah Maritim Negeri Selangor, Kepten Maritim Mohammad Rosli Kassim berkata, mangsa, Md Shamsuddin Mohamed Shari, 46, dipercayai hanyut bersama bot fiber ketika dalam perjalanan dari Pulau Ketam ke kapal dagang Lila Bhavnagar.

"Ketika kejadian, bot yang dinaiki mangsa dalam perjalanan untuk menghantar dokumen serta pasport kru dipercayai kehabisan minyak kira-kira jam 6 petang, Khamis lalu.

"Terdahulu, usaha pencarian cuba dilakukan oleh rakan mangsa namun bot berwarna putih hijau berkenaan tidak ditemui sehingga kini.

"Susulan itu, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Selangor mengaktifkan operasi mencari dan menyelamat (Carilamat) mangsa," katanya dalam kenyataan, semalam.

Mohammad Rosli berkata, operasi yang dikoordinasikan *Maritime Rescue Sub Centre* (MRSC) Johor Bahru itu diaktifkan jam 12.30 tengah hari kelmarin dan disambung pada 7 pagi semalam.

Katanya, Kapal Maritim (KM) Bagan Datuk dan bot Penggalang 10 serta bot RH 10 daripada Pasukan Polis Marin (PPM) diatur gerak dalam operasi itu.

"Sektor pencarian operasi Carilamat hari ini merangkumi keluasan kawasan 85 batu nautika persegi dari Pulau Ketam sehingga ke kawasan Pulau Carey.

"Cuaca di lokasi cerah dengan kelajuan angin antara 30 hingga 40 kilometer sejam dan ombak pada ketinggian 1.5 hingga 2.5 meter serta ribut petir di beberapa lokasi.

"Pangkalan Hadapan Carilamat (PHC) juga ditubuhkan di Jeti Pasukan Polis Marin, Pulau Indah. Sehingga kini, APMM masih meneruskan usaha mencari mangsa," katanya.

Beliau berkata, APMM turut meminta orang ramai supaya menyalurkan sebarang maklumat berkaitan jenayah dan kecemasan di laut menerusi Pusat Operasi Maritim Negeri Selangor di talian 03-31760627 dan MERS 999 yang beroperasi 24 jam.



MANGSA yang dikhuatiri hanyut bersama bot, Md Shamsuddin.

# RUMAH 'CINTA' LAMPU DISKO

## *Premis urutan tradisional tawar khidmat seks di dalam bilik khas dengan bayaran RM200*

Oleh Mohd Jamilul
Anbia Md Denin
anbia@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Mendapat jolokan 'rumah cinta lampu disko' apabila pelanggan yang berkunjung boleh bermadu kasih di bilik khas disediakan dengan bayaran lebih RM200.

Itu antara kegiatan maksiat ditawarkan sebuah premis urutan tradisional di Kepong di sini, dengan menyediakan wanita warga asing sebagai teman ranjang.

Kegiatan itu bagaimanapun dibongkar apabila sepasukan anggota penguatkuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan anggota polis Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sentul menyerbu premis itu semalam.

Jurucakap DBKL berkata, risikan pihaknya mendapati premis rumah urut berkenaan menawarkan khidmat seks membabitkan bayaran ratusan ringgit.

Menurutnya, dalam serbuan jam 9 malam itu, pihak berkuasa menahan semua pekerja seks dan pelanggan yang berada di dalam premis berkenaan.

"Pemeriksaan lanjut turut menemui barang bukti aktiviti maksiat antaranya paket kondom, invois pelanggan selain kamera litar tertutup (CCTV) bagi memantau kehadiran pihak berkuasa.

"Siasatan mendapati premis itu menyediakan deretan bilik khas yang dilengkapi lampu berwarna warni, katil dan bilik air kecil untuk kemudahan pelanggan ketika melakukan maksiat," katanya.



LALUAN ke bilik khas yang dihiasi lampu berwarna-warni dibina sindiket pelacuran diserbu pihak berkuasa di Kepong, semalam.

Menurutnya, pihak DBKL kemudian bertindak memecahkan struktur dinding bilik dan sekatan serta menyita premis itu yang jelas menyalahi Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (WPKL) 2016 serta Seksyen 101(1)(v) Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Sementara itu dalam operasi berasingan, DBKL turut melaksanakan operasi tindakan khas terhadap sebuah premis menjalankan aktiviti pelacuran di Jalan Metro Perdana Timur, Kepong pada 20 Februari lalu.

Hasil risikan dijalankan DBKL selama seminggu mendapati premis berkenaan berselindung sebagai pusat rawatan kecantikan namun menjalankan aktiviti tidak bermoral.

"Ketika serbuan dilakukan, premis berkenaan didapati tidak mempunyai lesen perniagaan pusat kecantikan.

"Tiga wanita tukang urut disyaki pekerja seks warga Vietnam, seorang pelanggan warga Bangladesh dan seorang lelaki warga tempatan berperanan sebagai penjaga premis ditahan.

"Pihak DBKL turut merampas CCTV, kondom, minyak pelincir dan pelbagai peralatan di premis itu. Susulan itu tindakan penguatkuasaan dilakukan dengan memberikan notis kompaun mengikut UUK 3(1), Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (WPKL) 2016 dan premis itu diarah ditutup serta merta mengikut Seksyen 101(1)(v) Akta Kerajaan Tempatan 1976," katanya.

Menurutnya, pemantauan dan tindakan penguatkuasaan terhadap premis perniagaan tidak berlesen dan menjalankan aktiviti tidak bermoral akan diteruskan dari semasa ke semasa oleh DBKL.

"Warga kota boleh menyalurkan maklumat berkaitan sebarang aduan di *https://adukl.dbkl.gov.my,*" katanya.



ANTARA individu yang ditahan dalam serbuan di Kepong, semalam.



ANTARA bukti penemuan kondom dan barangan lain di premis yang menawarkan khidmat seks.

# *Tanam semula pokok balak berkualiti*



KAKITANGAN JPNP menanam 3,000 pokok meranti temak dan meranti tembaga di Hutan Simpan Sungai Lembing.

**Kuantan:** Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) sudah menanam semula 3,000 pokok balak berkualiti tinggi di Hutan Simpan Sungai Lembing di sini, yang diceroboh untuk penanaman durian Musang King sebelum ini.

Penanaman pokok spesies meranti temak dan meranti tembaga berkenaan dilakukan di kawasan seluas kira-kira satu hektar membabitkan 50 kakitangan Bahagian Pembangunan Hutan JPNP Bukit Sekilau.

Timbalan Pengarah (Pembangunan) JPNP, Datuk Samsu Anuar Nawi berkata, pihaknya turut berdepan cabaran bagi kerja pemulihan Hutan Simpan Sungai Lembing berikutan kawasan yang berbukit selain tiada kemudahan jalan.

"Kakitangan JPNP terpaksa menggunakan guni dan beg untuk membawa anak pokok sejauh hampir satu kilometer sebelum tiba ke kawasan ceroboh itu bagi ditanam semula dengan pokok balak.

"Kita yakin peratusan pokok akan hidup lebih tinggi kerana kawasan terbabit subur dan tanah tidak terlalu padat walaupun berbukit," katanya ketika ditemui, semalam.

Katanya, pihaknya akan memantau pokok meranti temak dan meranti tembaga yang ditanam bagi menilai peratus pembesaran dan akan diganti sekiranya terdapat pokok mati.

Sementara itu, Penolong Pengarah Silvikultur (Zon Pahang Timur I), Nurfazliza Kamarulbahrin berkata, pihaknya bertanggungjawab sepenuhnya menghijaukan semula kawasan yang diceroboh terbabit bagi mengelak masalah hakisan dan banjir lumpur.

"Pasukan khas turut ditubuhkan bagi memastikan projek penghijauan semula Hutan Simpan Sungai Lembing menemui kejayaan," katanya.





PREMIS perniagaan dijalankan warga asing tidak beroperasi selepas disita DBKL di sekitar Pasar Borong Kuala Lumpur. - Gambar NSTP/ROHANIS SHUKRI

PASAR BORONG KL DISERBU LAGI

# DBKL sita 10 perniagaan

Oleh Hafidzul Hilmi Mohd Noor
hafidzul@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyita 10 premis perniagaan yang dijalankan warga asing dalam serbuan di sekitar Pasar Borong Kuala Lumpur, kelmarin.

Pengarah Jabatan Penguatkuasaan DBKL Osman Ismail berkata, operasi bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) itu menumpukan premis perniagaan di sekotar pasar berkenaan.

"DBKL turut mengambil tindakan menutup satu premis yang dijalankan warga asing mengikut Seksyen 101 (1) (v) Akta Kerajaan Tempatan 1976.

"Selain itu, satu lagi premis dikompaun kerana beroperasi tanpa lesen dan tindakan diambil mengikut Undang-Undang Kecil (UUK) 20(1)(b) Perlesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian 2016," katanya ketika dihubungi, semalam.

Osman berkata, sejak Januari sehingga kini, pihaknya menyita 106 premis perniagaan yang dijalankan warga asing di sekitar Pasar Harian Selayang (PHS) dan Pasar Borong Kuala Lumpur.

"Operasi dijalankan setiap masa, tetapi hari ini kita sita, esok mereka beroperasi semula, seolah-olah tidak takut dengan tindakan yang diambil kerana kita hanya boleh menyita dan membatalkan lesen sahaja," katanya.

Menurutnya, pihaknya juga mengesan taktik baru yang digunakan warga asing untuk menjalankan kembali perniagaan mereka.

"Kebanyakan pemilik lesen ini adalah isteri atau keluarga kepada warga asing terbabit dan ada juga yang membeli lesen dari orang tempatan.

"Memang diakui perkara ini ada namun tindakan DBKL hanya kepada premis dan lesen perniagaan sahaja dan tidak ada kuasa untuk menahan warga asing.

"Disebabkan itu, Jabatan Penguatkuasaan dan Jabatan Perlesenan DBKL kini menukar strategi dengan menyenarai hitam lokasi yang dibatalkan lesen," katanya.

> "Kebanyakan pemilik lesen ini adalah isteri atau keluarga kepada warga asing terbabit"
> Osman

## SIMPAN SAYUR DALAM LONGKANG

*Taktik penjaja warga asing sekitar pasar di Kuala Lumpur bagi elak bahan jualan dirampas pihak berkuasa*



LAPORAN Harian Metro, semalam.

## 'Seminggu lagi mungkin mereka beroperasi kembali'

**Kuala Lumpur:** Premis di luar Pasar Borong Kuala Lumpur yang menjadi tumpuan bagi warga asing menjalankan perniagaan bahan mentah didapati tidak beroperasi.

Tinjuan Harian Metro di Jalan 2/3a di sini, semalam, mendapati kebanyakan premis yang dahulunya disewa warga asing tidak beroperasi selepas disita Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Bagaimanapun masih terdapat peniaga warga asing yang berniaga sekitar kaki lima di bangunan premis terbabit.

Peniaga sayur warga tempatan, Mohd Kamil Ahmad, 44, berkata, keadaan itu berikutan operasi dijalankan pihak berkuasa sejak Jumaat lalu.

"Ini situasi biasa, selepas ini mereka beroperasi lagi kerana kekangan undang-undang dihadapi pihak DBKL yang hanya boleh menyita barang perniagaan dan premis.

"Boleh tengok seminggu lagi, kemungkinan mereka akan beroperasi balik," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Terdahulu, Harian Metro melaporkan warga asing dikesan menjadikan kawasan premis di luar Pasar Borong Kuala Lumpur sebagai tempat untuk mereka menjalankan perniagaan selepas tidak dibenarkan beroperasi di pasar berkenaan sejak dua tahun lalu.

Tinjauan di lokasi berkenaan sebelum ini mendapati hampir keseluruhan premis di kawasan terbabit dikendalikan warga asing dari Bangladesh, Myanmar, Indonesia dan China selain etnik Rohingya.

Mereka menyewa premis terbabit dengan harga RM7,000 hingga RM15,000 sebulan bagi menjalankan perniagaan membekal sayur-sayuran, barangan basah dan buah-buahan.

Oleh NOR AZMA MUHAMAT LAILA

# Warga SHCA jelajah mercu tanda Putrajaya

## Menyertai 'MSU Heritage Walk Series: Putrajaya Iconic Tour' yang dijalankan secara fizikal dan secara maya

PUTRAJAYA - Sebagai sebahagian daripada inisiatif dalam memperkasakan kerjasama pintar di antara institusi pengajian tinggi, pihak berkuasa tempatan dan agensi kerajaan, Management and Science University (MSU) melalui School of Hospitality and Creative Arts (SHCA) dengan kerjasama Perbadanan Putrajaya (PPJ) dan Tourism Malaysia akan mengadakan program 'MSU Heritage Walk Series: Putrajaya Iconic Tour'.

Penganjuran program ini bertujuan untuk mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UN) khususnya SDG3 : Good Wellness and Wellbeing; SDG4 : Quality Education; SDG 11 : Sustainable Cities and Communities dan SDG17 : Partnership for Goals.

Hadir dalam majlis perasmian program yang diadakan di Taman Wetland di sini ialah Presiden MSU, Profesor Tan Sri Mohd Shukri Ab. Yajid dan Pengarah Kanan Bahagian Promosi Domestik Tourism Malaysia, Iskandar Mirza Mohd Yusof.

Turut hadir ialah pengurusan kanan MSU serta para pelajar.

Program berkenaan bermatlamat menerapkan kesedaran budaya serta mempromosikan keunikan 11 mercu tanda pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan di Putrajaya dalam kalangan pelajar khasnya dan masyarakat amnya.

Seramai 1,200 warga SHCA yang terdiri daripada pelajar, alumni dan pensyarah akan mengikuti 'MSU Heritage Walk Series: Putrajaya Iconic Tour' yang dijalankan secara fizikal dan secara maya (dalam talian).

Perhentian-perhentian ikonik yang dikunjungi ialah Taman Botani Putrajaya, Istana Melawati, Tangga Putrajaya Steps, Seri Perdana Bridge, Seri Saujana Bridge, Seri Gemilang Bridge, Putrajaya International Convention Centre (PICC), Istana Kehakiman, Perbadanan Putrajaya, Perdana Putra dan Dataran Putra.

Pada majlis pelancaran ini juga menyaksikan penyerahan sumbangan SHCA sebanyak RM 8,000 kepada Yayasan MSU.



**Mohd Shukri (barisan hadapan, lima dari kiri) bergambar bersama peserta 'MSU Heritage Walk Series: Putrajaya Iconic Tour'.**

Program seumpama turut diadakan sebelum ini melibatkan penganjuran 'MSU Kuala Lumpur Heritage Walk (2018)', 'Royal Klang Town Heritage Walk (2020)' dan 'MSU Shah Alam Heritage Walk: Virtual Edition (2021)' yang melibatkan aktiviti berjalan kaki yang diketuai oleh pemandu pelancong terlatih, menyelusuri perhentian-perhentian yang terdiri daripada bangunan-bangunan warisan yang masih kekal strukturnya dan mempunyai nilai sejarah yang menarik.

HARI
Terbuka
5 & 6 Mac 2022

msu
management & science university

MSU fokus kepada aspek kebolehpasaran dan potensi pelajar, sejajar dengan objektif universiti, transformasi kehidupan, memperkasa masa hadapan dalam menjana graduan yang holistik, kompeten dan versatil serta dilengkapi dengan kemahiran insaniah.
#beMSUrians



* Biasiswa sehingga 100 % untuk Yuran Pengajian
* Bayar RM300 sahaja untuk Yuran Pendaftaran

* mengikut terma & syarat

kaunseling dalam talian disediakan

Management & Science University (MSU) DU019(B)
Engagement & Enrolment Department, University Drive, Off Persiaran Olahraga, Section 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia. Tel : 03 5521 6868 / Fax : 03 5511 2848 / Email : enquiry@msu.edu.my

Yayasan msu MSUMalaysia | www.msu.edu.my | Transforming LIVES, ENRICHING Future

# StarMetro

THE STAR, MONDAY 28 FEBRUARY 2022 Content: (03) 7967 1388 ext 1706/1323/1496 metro@thestar.com.my Advertising: (03) 7966 8388 Classified: (03) 7966 8200



Selangor

Clarity sought on MKN regulations for indoor live entertainment

>4



Penang

New traffic park gives children chance to learn cycling in a safe environment

>6

Perak

Former estate worker's organic labour of love keeps her hale and hearty

>7

# Transforming lives

In a three-parter, *StarMetro* follows three homeless men rescued from the streets and are now living in a transit shelter. They recount the circumstances which led them to their current situation and what they long to achieve in the near future. >2&3



## Green thumb

Hiew Jia Hua, 40, watering plants at the urban farm at Anjung Kelana transit centre for the homeless in Taman Desa, Kuala Lumpur. — SHAARI CHE MAT/The Star

## STAR METRO WATCH

**COUNCIL MATTERS**

> Subang Jaya City Council is conducting an impact study on the B40 Community Social Economic Empowerment programme for women organised by the council and the resident representative groups. Past participants may respond at https://bit.ly/3M6oF2k by March 14.

> Until March 6, documents for applications for temporary permits for the Ampang Jaya Municipal Council food stalls can be updated at http://intranet.mpaj.gov.my/penjaja/login.php. For details, visit www.mpaj.gov.my.

> Shah Alam City Council offers free transportation to Persons with Disabilities card holders as well as senior citizens who have medical appointments at Hospital Shah Alam, Klinik Kesihatan Section 7, Shah Alam, Klinik Kesihatan Section 19 Shah Alam, Klinik Kesihatan Bukit Kuda Klang, Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang, Hospital Besar Sungai Buloh, Klinik Kesihatan Sungai Buloh and University Malaya Medical Centre, Petaling Jaya from 9.30am to 5pm on weekdays. Prior booking is required. For details, call 03- 5522 2732 or 03-5510 5133.

> Kajang Municipal Council no longer posts assessment tax bills to ratepayers from January 2022. To check and pay assessment tax bills online, visit https://ebayar.mpkj.gov.my/ebayar/Public/Tax. For details, call the council's revenue division at 03-8737 7899 ext 2035.

**TRAFFIC MATTERS**

> There will be a continuation of intermittent road closures in stages at Jalan Bridge 21/64 from Petron to Kayu Ara Business Park to facilitate LRT3 project-related works from 10pm today until May 31, daily except Sunday, between 10pm and 6am.

> Temporary road closure on Jalan Tropicana Selatan 1 (heading to Merchant Square) to facilitate LRT3 works until June 30, from 10pm to 6am. Motorists heading towards Jalan Tropicana Selatan 1 need to turn onto Lebuh Bandar Utama, followed by Persiaran Tropicana and Jalan Tropicana Selatan. Motorists from Jalan Tropicana Selatan 1 heading towards PLUS highway (Klang-bound) need to turn onto Jalan Tropicana Selatan, then go on to Persiaran Tropicana, Lebuh Bandar Utama, Sprint Highway (Damansara-bound) before making a U-turn at the Jalan SS22/43 junction (under the flyover) and heading back onto Sprint Highway (Klang-bound).

**LHDN MELAKA**

The Inland Revenue Board (LHDN) office – Menara Hasil Melaka, will be closed today for maintenance works and building inspection following the earthquake in Indonesia on Feb 25. The office is expected to reopen tomorrow. All appointments scheduled for today will be cancelled. For details, call 03-8911 1000 or visit https://bit.ly/3teiv2t

**INCOME TAX**

Efiling submission of the income tax return form begins on March 1 via www.hasil.gov.my. For details, call 03-8911 1000, live chat or visit https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/

**LIBRARY HOURS**

Kuala Lumpur Public Library and its branches will revert back to normal operating hours: 10am to 5pm (Tuesday to Sunday) and closed every first weekend of the month and public holidays. For details, visit kllibrary.dbkl.gov.my

# Renewed hope, new life direction

## Homeless folk at Anjung Kelana transformational centre pick up useful skills, learn to be self-reliant

Stories by **GRACE CHEN** and **FARID WAHAB**
metro@thestar.com.my

THREE homeless men who were rescued from the streets and now living in a transit shelter, talk to *StarMetro* about the circumstances that steered them to their current paths.

Over the next three months, we will be following them to learn what their hopes are for the future.

In the first part of this series, the men offer readers a glimpse into their lives.

### Finding his purpose

Basking under the rays of the morning sun, Basri Yanna looks at the rows of brinjals and cucumbers before him.

These vegetables are top sellers at the urban farm in Taman Danau Desa, Kuala Lumpur, where he has been volunteering for the past six months.

Though the 45-year-old is proud to have contributed to the multiple harvests at the urban farm, he admits to having a keener interest in arts and craft.

His latest piece is an armchair made entirely of recycled bottles stuffed with fabric and paper scraps.

Basri has also learnt how to fix the hands and movements for wall clocks.

A resident at Anjung Kelana, a transformation centre in Kuala Lumpur that teaches life skills to the homeless, the Negri Sembilan native said these little achievements have given him a renewed sense of purpose.

In contrast to his aimless existence when he was homeless, Basri now has a daily routine.

He begins his day by going to the farm.

In the afternoons, he attends arts and craft classes.

Basri was supposed to leave the centre after three months but he applied for an extension and his request was granted.

In addition to volunteering his time at the urban farm and honing his craft-making skills, he also helps the centre's staff by distributing the daily meals delivered by a caterer.

Basri was picked up during a rescue operation conducted by Kuala Lumpur City Hall (DBKL) at Jalan Tun Sambanthan in Brickfields.

He was homeless, having just been released from Kajang prison where he had served a five-year sentence for a drug-related offence.

Basri's parents died when he was four months old.

A family friend initially took care of him before handing him to another family.




At Anjung Kelana, Hiew helps with the cleaning works. He was also a volunteer for flood clean-up missions in Selangor and Pahang. — Photos: RAJA FAISAL HISHAN and SHAARI CHEMAT/The Star.

"When I came of age, I began roaming the streets in Seremban, and eventually got involved with drugs," he recounted.

A former factory worker, Basri was never in one place for long.

However, he hopes to find a job with his new-found skills when he re-enters society.

"I am quite good at fashioning things out of recyclable items. I just need the materials. Then I can make something," said Basri.

### A blessing in disguise

As the oldest resident at Anjung Kelana, 73-year-old Chandran Ratnam never thought he would spend his senior years alone, loitering the city streets in search of food and shelter.

When the Covid-19 pandemic hit two years ago, the former lorry driver ran out of money when his employer went bankrupt.

He was evicted from his room in Pudu after failing to pay the RM250 monthly rental.

With no one to turn to, Chandran roamed the streets and relied on food donations from non-governmental organisations.

"It was hell. During the lockdown, many restaurants were closed and I struggled to find a washroom to bathe every day," he said.

Chandran wandered around Jalan Tun HS Lee for a month before he was rescued and brought to Anjung Kelana.

Frightened by unfounded claims of mistreatment, Chandran initially evaded the authorities.

But he now sees his "capture" as a blessing in disguise.

"The staff are very nice.

"We also get five meals a day.

"The quiet life here offers an opportunity to reflect on our past, present and future," he said.

One recurring thought is the possibility of reuniting with his four sisters whom he believes are currently living in Kelana Jaya, Selangor.

Shame and guilt plus the fact that he lost contact with them have held him back from seeking them out.

Chandran admitted to being a heroin addict in his youth.

"I could not hold down a stable job due to my addiction.

"When the police started cracking down and when I could not get my hands on drugs anymore, I struggled with withdrawal symptoms," he said.

**SARAWAK**

# Brisk sales of essential goods in Sibu and Kanowit



Sing Kwong Shopping Complex in Sibu saw nearly 6,000 customers during the Malaysian Family Sales Programme event.

RESPONSE to the Malaysian Family Sales Programme (PJKM), which had been extended to Sibu and Kanowit, has been overwhelming.

Under the programme, essential goods are offered at up to 20% cheaper than the market price.

The programme was officially launched by Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob last Dec 2.

Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry Sibu chief Kelyn Bolhassan in a statement said Sing Kwong Shopping Complex, Jalan Salim, Sibu, held the sale from Feb 12 to 13.

Kelyn said consumer response at Sing Kwong was very encouraging with the number of visitors estimated at 5,936, generating RM119,228.22 from sales.

"From the feedback received, most people asked for the sales programme to be implemented periodically as the lowered prices helped to defray the costs of basic necessities," he said.

He said a sale was also held at Nam Leong Department Store, Kanowit, on Feb 26 and 27.

"The programme has been implemented at the state level in an effort to help the people reduce their cost of living following the increase in the price of daily necessities," Kelyn added.

— By **ANDY CHUA**



Anjung Kelana's urban farming programme is popular among the residents.



Residents playing table tennis in the evening.



Basri has learnt to make ecobricks out of recycled bottles stuffed with fabric and scraps.

Though it is Chandran's fervent wish to see his sisters again, he is adamant that he would only do so after he has secured a job and is able to support himself.

"I will not go back with my tail between my legs," he insisted.

Chandran dreams of making a living as a school van driver.

"For as long as I have my legs and hands, I can work. I pray that God shows me the way," he said.

If his plans do not pan out, he is prepared to spend the rest of his days in an old folks home.

"I am not expecting anything big at my age.

"It is enough that I have good health and happiness," he added.

## Good to help others

Having been homeless for the past five years, former lorry driver Hiew Jia Hua, 40, never dreamt that he would be part of a flood relief mission.

But after arriving in Anjung Kelana last November, he found himself signing up as a volunteer for clean-ups at schools, mosques and hospitals that were affected by the floods last December.

"I boarded a chartered bus together with a team of DBKL staff to travel to the affected areas.

"Despite the hard work, I did not feel that I was doing labour.

"Instead, I felt good that I was able to help others," said Hiew.

Admitting that he was unable to hold on to a job in the past because of laziness, Hiew added that he was not the type to take kindly to being bossed around by his employers.

"I was very hot tempered. I was jailed twice – once in 2016 and 2018," he confessed.

After his release from Kajang Prison, Hiew said he decided to lead a life free of stress, worry and commitments.

"Where I lay on the cardboard was where my home was," he said.

Life on the streets taught him the value of kindness.

"I always slept in open places where passers-by would see me.

"Because I was visible, I'd have people waking me up before dawn to give me packed food like fried noodles," he said.

Money was never an issue for Hiew due to the generous nature of the Malaysian public, he said.

"If I needed money, I'd ask for it, politely. For me, it was an easy way to make a living.

"I am a good judge of character. Out of five strangers, four would respond.

"The way to do it is not to ask for too much, maybe RM5 per request.

"I'd wait at train, bus and LRT stations. One day at Hang Tuah, another day at Pudu, KL Sentral next.

"On a good day, I could make RM500," he said.

At Anjung Kelana, Hiew continues to enjoy a stress-free life.

"I start my day at the urban farm. After that, it's my own time, either to play chess, table tennis or watch TV.

"As every resident here is given a smartphone, I am spending a lot of time watching YouTube," he said.

Hiew does not have any plans for the future yet.

"I don't want to think too much.

"I know I am not incapable. In the past, I had risen to the post of assistant manager in a direct-selling company and was earning up to RM15,000 a month. So, I know I can do sales," he said.

The eldest of three siblings also has no plans yet to return to his family in Semenyih, Selangor.

"I did think about going back during Chinese New Year. But with no job, I am of no help to them.

"For now, I don't want to worry about tomorrow. All I want is to relax and take things one step at a time," he said.



Comfortably settled, Basri has extended his stay at the men-only dorm at Anjung Kelana.



Chandran, who is the oldest resident at the transformational centre, says the quiet life offers him the opportunity for reflection.

# Empowering residents to forge better paths

DETERMINED to give the city's homeless a new direction in life, the Federal Territories Ministry officially opened the doors of its transit centres in early 2016.

The objective was to provide those rescued from the streets with support and to meet their basic needs for food and accommodation.

It was hoped that by freeing them from the hardship of living rough, they will eventually be empowered to forge better paths for themselves.

Within six years, the ministry – with assistance from Kuala Lumpur City Hall (DBKL) – has established five centres dedicated to assisting the city's homeless.

The first one, Pusat Transit Kuala Lumpur is in Jalan Pahang.

Another three are halfway homes located in Sentul Perdana, Jinjang Utara and Setiawangsa.

The latest, Anjung Kelana in Taman Danau Desa, opened in March 2021. It is located at the site of a former water theme park.

More than just a transit point for the homeless, Anjung Kelana has been earmarked as a transformational centre.

The rescued, who have had their mental and physical state as well as productive abilities evaluated, are sent here for skills training.

In addition to an urban farm, there are workshops set up for printing, upcycling and crafts. Participation is voluntary.

Currently, the urban farming programme is popular among participants. So, the other skills classes, which are usually held twice a week, have been put on hold until there is demand.

The National Welfare Foundation (YKN) has also given smartphones to residents who expressed interest in learning online businesses like dropshipping.

Those sent here are expected to leave the centre within three months and find employment. They can apply for an extension to DBKL, but applications are considered on a case-by-case basis.

A DBKL spokesperson said the centre used to house some 70 people when it first started. There are currently 19 residents.

Those who have left were either reunited with their families or have found employment. There are also some who were unable to adapt to working life as they had been jobless for too long.

"Ultimately, it will be up to the individual and how much they want to improve," he said.

As of October 2021, Deputy Federal Territories Minister Datuk Seri Jalaluddin Alias revealed that 235 homeless people had been offered jobs, thanks to a collaboration between the ministry, Kuala Lumpur Labour Department and Social Security Organisation.

Among the companies that had offered employment opportunities were Top Glove, Hartalega NGC Sdn Bhd, Lotus's, Adabi Consumer and Harumi Brands, said Jalaluddin.

During the recent December floods, Anjung Kelana residents also volunteered to be part of the cleanup missions in Hulu Langat, Kuala Langat, Dengkil and Banting in Selangor and Karak in Pahang.

"The initial target was to recruit between five and 10 people. We were pleasantly surprised that many expressed interest in participating," he said.